

19 DEC 1999

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat MT

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mesyuarat yang bermula pada 3.30 petang itu adalah yang pertama selepas pilihan raya umum pada 29 Nov lepas.

Antara perkara yang akan dibincangkan ialah prestasi Umno dalam pilihan raya umum lepas yang menyaksikan parti itu menyumbang 72 daripada 148 kerusi Parlimen yang dimenangi oleh Barisan Nasional.

Mesyuarat juga dijangka membincangkan tindakan terhadap anggota parti yang didapati belot dan membelakangkan kepentingan parti pada pilihan raya itu.

MT juga dilaporkan mungkin memberi tumpuan kepada soal tarikh pemilihan pucuk pimpinan parti tahun depan.

Umno yang sepatutnya mengadakan pemilihan pucuk pimpinan tahun ini telah menundanya ke tahun depan bagi menumpukan perhatian terhadap pilihan raya umum. Pemilihan pucuk pimpinan parti diadakan tiga tahun sekali.

-- BERNAMA

TM MAI